

# **PERJALANAN SALIB**

## **PERPADUAN GEREJA MALAYSIA**

**“Semoga mereka semua menjadi satu” Yohanes 17:21**

### **UPACARA PENGHORMATAN SALIB**

#### **Pengenalan (Pengulas)**

Perjalanan Salib adalah inisiatif Persidangan Uskup Katolik Malaysia untuk menyatukan seluruh Gereja Malaysia melalui kuasa Salib Yesus Kristus.

Sembilan salib akan diagihkan kepada sembilan keuskupan Malaysia semasa pelancaran pada April 2025 di Kota Kinabalu. Setiap salib akan berada di keuskupan selama satu setengah tahun dan akan mengembara ke semua paroki dan komuniti sebelum dibawa kembali ke Majodi Center, Johor Bahru pada September 2026 untuk mempersatukan umat beriman dalam Konvensyen Pastoral Malaysia yang pertama.

Perjalanan salib ini dinamakan Perjalanan Salib. Tujuan Perjalanan Salib adalah untuk menyatukan umat beriman melalui penyembahan dan penghormatan kepada salib dengan kuasanya yang menyelamatkan. Kristus mati disalib untuk menyelamatkan dan menyatukan semua orang yang percaya kepada-Nya.

Selamat datang (pengulas)

Hari ini kita mengalu-alukan “Perjalanan Salib” ke ..... (nama paroki atau gereja) Ini adalah perayaan persatuan dan kesatuan kita dalam Gereja, Tubuh Kristus.

Salib adalah alat keselamatan kita. Melaluinya, Kristus mengalahkan kejahatan, dosa dan kematian untuk memberi kita hidup yang kekal. Marilah kita dengan sukacita menyambut salib dan menghormatinya dengan devosi dan kasih kita.

#### **Lagu pembukaan (berdiri)**

##### **Perarakan membawa Salib ke dalam Gereja**

Sambil lagu pembukaan dinyanyikan, kita semua berdiri untuk menyambut Salib Yesus Kristus. Semasa salib diletakkan di tempat khas, kita semua berlutut dan menghormati salib.

**Paderi/Katekis: Dalam nama Bapa dan Putera dan Roh Kudus;**

**Semua:** Amen.

**Paderi: Tuhan Bersamamu,**

**Semua:** Dan Bersama Rohmu.

**Paderi/Katekis:**

Saudara dan Saudari yang di kaishi dalam nama Yesus Kristus, hari ini kita berkumpul di sini untuk menyertai ibadah doa perjalanan salib. marilah kita bersyukur kepada Tuhan kerana telah memberi kita keselamatan melalui salib Kristus. melalui penyertaan marilah kita sama-sama membawa segala niat dan keluarga dalam doa kita.

## **Berdoa Mazmur (duduk)**

### **Antiphon: 1 (Pemimpin)**

*Dia yang menderita di kayu salib, menghancurkan kuasa neraka. Pada hari ketiga, Dia bangkit kembali untuk mengenakan diri-Nya dengan kuasa.*

#### **Semua berdoa bersama-sama**

Ya Allah, Engkau Allahku,  
aku akan mencari-Mu segera;  
jiwaku dahaga kepada-Mu,  
jasadku merindui-Mu,  
di tanah gersang tandus tanpa air.

Maka aku mencari-Mu di tempat suci-Mu  
untuk melihat kekuasaan dan kemuliaan-Mu.

Kerana kasih-Mu lebih bernilai daripada nyawa,  
bibirku akan memuji-Mu.  
Demikian aku akan memuji-Mu seumur hidupku,  
aku akan menadah tanganku dengan nama-Mu.  
Jiwaku akan berasa puas seperti dijamu;  
dan aku akan memuji-Mu dengan sukacita.

Apabila aku ingat kepada-Mu di tempat tidurku;  
aku berjaga merenungkan Engkau sepanjang malam.  
Kerana Engkau telah menolongku,  
maka di bawah naungan sayap-Mu aku akan bergembira.  
Jiwaku mengikut jejak-Mu dari dekat  
tangan kanan-Mu memberiku kekuatan.

**Kemuliaan kepada Bapa dan Putera dan Roh Kudus, seperti pada permulaan, sekarang  
selalu dan sepanjang segala masa. Amin.**

### **Antifon: 2 (Pemimpin)**

*Salib Suci menyinari kita. Di dalam salib ada kemenangan, di dalam salib ada kuasa. Melalui salib setiap dosa dapat diatasi.*

#### **Semua berdoa bersama-sama**

Nyanyikanlah kepada TUHAN lagu baru,  
dan pujian untuk-Nya dalam perhimpunan orang warak.  
Biarlah Israel bergembira kerana Pencipta mereka;  
biarlah anak-anak Sion berbahagia kerana Raja mereka.  
Biarlah mereka memuji nama-Nya dengan tarian;  
biar mereka menyanyikan pujian kepada-Nya dengan tamborin dan kecapi.

Kerana TUHAN berkenan akan umat-Nya;  
Dia akan memahkotai mereka yang rendah hati dengan penyelamatan.  
Biarlah orang warak berbahagia dalam kemuliaan;  
biarlah mereka menyanyi gembira di tempat tidur.  
Biarlah pujian tinggi bagi Allah di lidah mereka  
dan pedang bermata dua di tangan mereka,

untuk membalas perbuatan bangsa-bangsa  
dan menghukum kaum-kaum,  
untuk mengikat raja-raja mereka dengan rantai,  
dan orang bangsawan mereka dengan belenggu besi,  
untuk menjalankan ke atas mereka penghakiman yang tersurat.  
Kehormatan ini dimiliki seluruh umat-Nya yang warak. (Mazmur 149-AVB)

**Kemuliaan kepada Bapa dan Putera dan Roh Kudus, seperti pada permulaan, sekarang selalu dan sepanjang segala masa. Amin.**

### **Antifon 3: (Pemimpin)**

*Adalah wajar bagi kita untuk bermegah di dalam salib Tuhan kita Yesus Kristus.*

#### **Semua berdoa bersama-sama**

Dia yang sekalipun dalam bentuk Allah,  
idak menganggap kesetaraan dengan  
Allah sesuatu yang harus dipertahankan,

tetapi Dia telah mengetepikan martabat diri-Nya,  
mengambil bentuk seorang hamba,  
dan datang dengan rupa manusia.

Dalam keadaan sebagai manusia,  
Dia telah merendahkan diri-Nya  
dan taat hingga kepada kematian,  
bahkan kematian di salib!  
Itulah sebabnya Allah sangat meninggikan-Nya  
dan menganugerahkan kepada-Nya  
nama yang di atas segala nama,

supaya kepada nama Yesus segala-galanya bertelut,  
segala isi langit, bumi dan yang di bawah bumi,  
dan semua lidah mengaku bahawa  
Yesus Kristus ialah Tuhan,  
untuk mendatangkan kemuliaan kepada Allah Bapa.

**Kemuliaan kepada Bapa dan Putera dan Roh Kudus, seperti pada permulaan, sekarang selalu dan sepanjang segala masa. Amin**

## **Liturgi Sabda** (duduk)

### **Bacaan Pertama**

**Filipi 2:6 -11**

Yesus Kristus, Dia yang sekalipun dalam bentuk Allah, tidak menganggap kesetaraan dengan Allah sesuatu yang harus dipertahankan, tetapi Dia telah mengetepikan martabat diri-Nya, mengambil bentuk seorang hamba, dan datang dengan rupa manusia. Dalam keadaan sebagai manusia, Dia telah merendahkan diri-Nya dan taat hingga kepada kematian, bahkan kematian di salib! Itulah sebabnya Allah sangat meninggikan-Nya dan menganugerahkan kepada-Nya nama yang di atas segala nama, supaya kepada nama Yesus segala-galanya bertelut, segala isi langit, bumi dan yang di bawah bumi, dan semua lidah mengaku bahawa Yesus Kristus ialah Tuhan, untuk mendatangkan kemuliaan kepada Allah Bapa.

**Pembaca:** Sabda Tuhan.

**Semua:** Syukur kepada Allah.

## **Sahutan Mazmur:**

**Mazmur 78 : 1-2, 34 -35. 36 -37, 38**

**✠ . Jangan pernah melupakan perbuatan Tuhan!**

1. Dengarlah hai umatku, ajaran tentang hukum;  
pasang telingamu untuk mendengar kata-kataku.  
Aku akan membuka mulut menggunakan ibarat;  
aku akan menuturkan kata-kata zaman dahulu yang penuh rahsia
2. Apabila Dia membunuh sebilangan mereka, maka mereka berpaling kepada-Nya;  
mereka kembali mencari Allah dengan bersungguh-sungguh.  
Ketika itu mereka ingat bahawa Allah Batu Pejal mereka,  
dan Allah Yang Maha Tinggi Penebus mereka.
3. Tetapi mulut mereka memberi-Nya puji palsu,  
dan lidah mereka berdusta kepada-Nya;  
kerana hati mereka tidak teguh kepada-Nya,  
dan mereka tidak setia kepada perjanjian dengan-Nya.
4. Namun Dia, yang penuh belas kasihan;  
mengampunkan dosa mereka dan tidak memusnahkan mereka.  
Ya, berkali-kali Dia memalingkan kemarahan-Nya daripada mereka  
dan tidak membiarkan kemurkaan-Nya menyala.

## **Aklamasi Injil (berdiri)**

**Alleluia, alleluia!**

Kami menyembah sujud kepada-Mu, ya Kristus,

Serta memuji Engkau;

Sebab dengan salib-Mu

Engkau telah menebus dunia.

**Alleluia!**

## **Injil**

**Paderi : Tuhan Brsamamu;**

**Semua:** Dan Bersama Roh Mu

**Paderi: Inilah injil Yesus Christu Menurut Santo Yohanes**

**Semua:** Dimuliakanlah Tuhan

**Yoanes 3:13-17**

Tiada seorang pun pernah naik ke syurga, kecuali Anak Manusia yang turun dari syurga. Sebagaimana ular diangkat oleh Musa di gurun, begitulah Anak Manusia akan diangkat supaya semua yang percaya kepada-Nya mendapat hidup yang kekal.

Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal. Allah mengutus Anak-Nya ke dunia bukan untuk menghakimi dunia tetapi supaya melalui Dia, dunia ini diselamatkan.

**Paderi, Katekis atau Pemimpin Doa:** Injil Tuhan.

**Semua:** Terpujilah Kristus.

## **Refleksi:**

(duduk) oleh Paderi, Katekis atau Pemimpin Doa/ Ketua Sembahyang

**Penghormatan Salib** (berdiri)

Semasa lagu dinyanyikan, umat beriman berbaris untuk Penghormatan Salib seperti dalam Ibadah Jumaat Agung.

## **Doa Umat (berdiri)**

**Paderi/Katekis/Pemimpin Doa**

Saudara dan saudari yang terkasih, Allah kita menghendaki supaya Putera-Nya yang tunggal menanggung sengsara dan mati di Salib untuk menyelamatkan umat manusia. Kita berdoa, agar kita yang telah mengetahui misteri-Nya di dunia ini, dapat memperoleh rahmat penebusan di syurga.

**Sahutan untuk setiap permohonan adalah: "Tuhan yang penuh belas kasihan dan kasih sayang, dengarkanlah kami."**

1. **Untuk Bapa Suci Paus Fransiskus;** semoga Tuhan menganugerahkan kesehatan yang baik kepadanya dan agar dia dapat terus memimpin Gereja menuju kebenaran, dengan kasih dan belas kasihan. Marilah kita berdoa kepada Tuhan.
2. **Bagi semua pemimpin gereja;** untuk Para Uskup, Para Paderi dan semua pemimpin dalam pelbagai Ministeri. Semoga Tuhan memenuhi mereka dengan berkat kebijaksanaan, pengetahuan dan pengertian-Nya untuk memimpin gereja dan dibimbing oleh Roh Kudus untuk menyebarkan kerajaan Allah di bumi. Marilah kita berdoa kepada Tuhan.
3. **Bagi semua mereka yang menderita secara rohani dan jasmani;** semoga mereka menemukan penghiburan dalam Yesus Kristus, mengetahui bahwa Dia turut merasakan penderitaan mereka dan memberi harapan kepada mereka. Marilah kita berdoa kepada Tuhan.
4. **Untuk kedamaian dunia, di dalam keluarga dan dalam diri kita sendiri;** semoga Salib Yesus Kristus menjadi tanda kesatuan dan pengampunan yang membawa kita untuk menemukan kedamaian dan memuliakan Tuhan dalam kehidupan kita sehari-hari. Marilah kita berdoa kepada Tuhan.
5. **Bagi semua orang yang dianiaya kerana iman mereka kepada Yesus Kristus;** semoga mereka mendapat kekuatan, keberanian dan harapan dalam Salib Yesus Kristus, mengetahui bahawa Dia sentiasa bersama mereka dalam masa percobaan. Marilah kita berdoa kepada Tuhan.
6. **Bagi perpaduan komuniti Gereja kita;** semoga kita sentiasa memeluk Salib Yesus Kristus, sebagai sumber kesatuan, keselamatan dan model cinta kasih dan berusaha mengikuti Dia dengan setia dalam kehidupan kita. Marilah kita berdoa kepada Tuhan.
7. Marilah kita berdoa untuk keperluan peribadi kita..... Marilah kita berdoa kepada Tuhan.

## **Berdoa di hadapan Salib** (berdiri)

### **Semua berdoa bersama**

Bapa Surgawi, Engkau telah mengilhami Santa Helena, untuk memelihara Salib Putera Tunggal-Mu Yesus Kristus, sumber keselamatan kami.

Kesengsaraan dan kematian-Nya di Salib mengubah kutukan dan rasa malu kami menjadi kemuliaan dan kemenangan atas kejahatan.

Berilah kami kekuatan untuk mengasihi Putera-Mu tanpa ragu-ragu. Semoga cinta kasih kami akan Salib Yesus menjadikan kami lebih rendah hati dan memberi keyakinan yang kami perlukan untuk memikul salib kami setiap hari.

Berilah kami rahmat untuk mengubah percobaan kami menjadi kemenangan atas kejahatan dan menyahut cabaran untuk membina gereja dengan kasih sayang dan pengabdian dimana Engkau hidup selama-lamanya. Amin

### **Penutup** (Paderi/Katekis/Pemimpin Doa)

Bapa Syurgawi, saat kami mempersembahkan doa-doa ini, kami bersyukur atas anugerah Putera-Mu Yesus Kristus. Semoga kami sentiasa berpaling kepada Salib sebagai sumber kesatuan, harapan, dan penebusan. Kami mohon ini melalui Yesus Kristus, Tuhan kami.

**R:Amin**

### **Doa Bapa Kami** (dinyanyikan)

*Atas petunjuk penyelamat kita, dan menurut ajaran ilahi, maka beranilah kita berdoa'*

Bapa kami, yang ada di syurga,  
Dimuliakanlah nama-Mu.  
Datanglah Kerajaan-Mu,  
Jadilah Kehendak-Mu,  
Di atas bumi seperti di dalam Syurga.

Berilah kami rezeki pada hari ini  
dan ampunilah kesalahan kami,  
seperti kami pun mengampuni  
yang bersalah kepada kami.  
Dan janganlah masukkan kami  
ke dalam percobaan,  
tetapi lepaskanlah kami  
dari yang jahat. **Amin**

### **Doa Penutup** (Paderi/Katekis/Pemimpin Doa)

Allah Bapa kami, dalam ketaatan kepada kehendak-Mu, PuteraTunggal-Mu menanggung salib untuk keselamatan kami. Berilah kami karunia agar saat kami mengenal misteri salib di dunia ini, kami boleh menerima ganjarannya di syurga. Kami mohon ini melalui Kristus Tuhan kami.

Amin.

## **Berkat Penutup** (Hanya oleh Paderi)

**Paderi:** Tuhan bersamamu.

**Semua:** Dan bersama rohmu

**Paderi:** Semoga Allah Yang Maha Kuasa memberkati Saudara Sekalian, + Bapa dan Putera dan Roh Kudus

**Semua:** Amin.

**Paderi:** Ibadah Penghormatan Salib sudah selesai, marilah kita pergi dalam kesatuan dan damai Kristus.

**Semua:** Syukur kepada Allah.

## **Penutup Ibadah** (Oleh katekis/Pemimpin doa)

**Pemimpin:** Kemuliaan kepada Bapa, dan Putera, dan Roh Kudus:

**Semua:** Seperti pada permulaan, sekarang, selalu dan sepanjang segala masa. Amin.

**Pemimpin:** Ibadah Penghormatan Salib sudah selesai, marilah kita pergi dalam kesatuan dan damai Kristus.

**Semua:** Syukur kepada Allah.

## **Lagu Penutup (Bangkit Ia)**



# ROSARI DENGAN RENUNGAN PADA ST. HELENA DAN SALIB

## Doa Pembukaan kepada St. Helena Salib

Ya Santa Helena yang diberkati dan kudus, dengan kesedihan dan devosi yang mendalam, engkau mencari Salib Kristus, saya mohon agar engkau memberikan rahmat Tuhan kepada saya untuk menanggung dengan sabar segala penderitaan hidup ini, agar melalui penderitaan itu dan melalui perantaraan serta perlindunganmu, saya akan dapat mencari dan memikul Salib yang Tuhan letakkan ke atas saya, supaya saya dapat melayani-Nya dalam kehidupan ini dan menikmati Kemuliaan-Nya selama-lamanya. **Amin.**

## Doa Permohonan (Doa untuk Pengagungan Salib Suci)

Yesus, yang kerana Cinta-Mu yang membara untuk kami rela disalibkan dan menumpahkan Darah-Mu yang Maha Berharga untuk Penebusan dan Keselamatan jiwa kami, pandanglah kami dan kabulkan doa yang kami mohon dengan rendah hati:

## Senarai Permohonan

1. Untuk Gereja di Malaysia, agar melalui Perjalanan Salib, ia dapat melalui tempoh penemuan baru, yang dipimpin oleh Roh Kudus.
2. Untuk umat beriman di Malaysia, agar melalui Perjalanan Salib, mereka yang bertemu dengan Salib, juga dapat bertemu dengan Kristus di Salib, dan semakin didekati dengan limpahan Cinta di Salib.
3. Untuk rakyat Malaysia, agar melalui Perjalanan Salib, mereka dapat mengenali kasih Tuhan untuk ciptaan-Nya, dan membawa kesatuan serta keharmonian yang lebih besar dalam semua peringkat hubungan sosial.

## (Tambah permohonan lain jika perlu, dan akhiri dengan):

Tuhan, kami sepenuhnya mempercayai Kemurahan-Mu. Bersihkan kami dari dosa dengan Rahmat-Mu. Sucikanlah kerja kami, berikan kami dan semua yang kami kasihi rezeki setiap hari. Ringankanlah beban penderitaan kami. Berkatilah keluarga kami, dan kurniakanlah kepada bangsa-bangsa, kedamaian yang sangat dibebani penderitaan, Kedamaian-Mu yang Sejati, supaya dengan mentaati Perintah-Mu, kami akhirnya sampai kepada Kemuliaan Syurga. **Amin.**

## Syahadat Para Rasul

Aku percaya akan Allah, Bapa yang Mahakuasa, Pencipta langit dan bumi. Dan akan Yesus Kristus Putera-Nya yang Tunggal Tuhan kita. Yang dikandung oleh kuasa Roh Kudus dan dilahirkan oleh Santa Perawan Maria. Yang menderita sengsara di bawah pemerintahan Pontius Pilatus, disalibkan, wafat dan dimakamkan. Yang turun ke tempat penantian. Pada hari ketiga bangkit dari antara orang mati. Yang naik ke syurga, duduk di sebelah kanan Allah Bapa yang Mahakuasa,

Dari situ Ia akan datang mengadili orang hidup dan mati. Aku percaya akan Roh Kudus. Gereja Katolik yang Kudus. Persatuan Para Kudus. Pengampunan dosa. Kebangkitan badan. Kehidupan kekal. Amin.

**Bapa Kami (1x), Salam Maria (3x), Kemuliaan (1x)**

---

## **1. Pesta Pengagungan Salib**

Pesta Pengagungan Salib memperingati tiga peristiwa: penemuan Salib Suci yang benar oleh Ratu Helena; pemulihan Salib Yesus setelah ia dicuri; dan bagaimana kita dapat menang melalui salib kita sendiri.

Ramai orang beranggapan bahawa Yesus bukanlah seorang individu yang bersejarah, dan bahawa Kristian adalah sebuah mitos. Dengan melawat Tanah Suci, tempat-tempat bersejarah itu menjadi nyata dan menghubungkan kita dengan kebenaran Yesus.

St. Helena, ibu kepada Maharaja Roma Konstantinus, mengadakan ziarah ke Yerusalem pada tahun 325 M untuk mencari dan memulihkan semua tempat yang berkaitan dengan kehidupan Yesus. Dalam Hemahnya Tuhan, tempat-tempat yang paling penting, tempat kelahiran Yesus di Bethlehem, Kalvari di mana Yesus disalibkan dan mati, serta Makam Kebangkitan telah diketahui oleh penduduk tempatan kerana dua sebab:

Pertama, orang Kristian telah menghormati tempat-tempat ini sejak zaman Yesus. Kedua, Maharaja Rom Hadrian, selepas pemberontakan Bar Kokhba pada 132 M, untuk menghalang orang Kristian dari menghormati tempat-tempat ini, mendirikan kuil pagan di atas setiap daripadanya.

Tanpa disedari, Maharaja Hadrian telah dengan sempurna memelihara tempat-tempat suci kita dan itulah sebabnya ia dikenal pasti oleh semua orang.

Apabila Ratu Helena tiba, dia memerintahkan supaya kuil pagan dirobohkan, dan di bawahnya ditemui Kalvari, Makam Kosong Yesus, dan tempat kelahiran-Nya di Bethlehem. Di atas Kalvari dan makam Yesus, dia membina Gereja Makam Suci; di tempat kelahiran Yesus di Bethlehem, dia membina Gereja Kelahiran; dan Gereja Eleona di Gunung Zaitun.

Yesus bukan mitos. Dia adalah nyata.

**Bapa Kami (1x)**  
**Salam Maria (3x)**  
**Kemuliaan (1x)**

St. Helena, penemu Salib, doakan kami. Amin.

## **2. Penemuan Salib Suci**

Setelah Ratu Helena menemui Kalvari dan tempat Kebangkitan, dia mencari Salib Yesus.

Kalvari, di mana Yesus disalibkan, terletak di luar kota Yerusalem di sebuah kuari batu. Berdekatan dengan kuari ini terdapat tempat pembuangan sampah. Penduduk tempatan

memberitahunya bahawa segala sesuatu yang dibuang dari kawasan itu akan dibuang ke tempat sampah tersebut. Maka Ratu Helena memerintahkan tenteranya untuk menggali di sana. Mereka menemui tiga salib.

Persoalannya, adakah salah satu daripada salib ini adalah Salib Yesus?

Ratu Helena dan Uskup Yerusalem, St. Macarius, meminta seorang wanita yang menghidap penyakit yang tidak dapat disembuhkan untuk menyentuh ketiga-tiga salib tersebut. Tetapi apabila dia menyentuh satu daripadanya, dia segera sembuh. Untuk mengesahkan peristiwa ajaib ini, mereka memerintahkan supaya seorang lelaki yang baru sahaja meninggal dibawa, dan ketiga-tiga salib itu diletakkan pada mayat lelaki itu. Salib yang menyembuhkan wanita itu membawa lelaki yang mati itu hidup kembali. Mereka tahu bahawa mereka telah menemui Salib Yesus yang memberi kehidupan.

**Bapa Kami (1x)**

**Salam Maria (3x)**

**Kemuliaan (1x)**

St. Helena, penemu Salib, doakan kami. Amin.

---

### **3. Pemulihan Salib Suci**

Pada tahun 614 M, Tanah Suci diserang oleh Parsi yang memusnahkan banyak gereja, membunuh banyak orang Kristian, dan mencuri Salib Suci Yesus, membawanya ke Parsi, yang kini dikenali sebagai Iran.

Tetapi pada tahun 628 M, Maharaja Byzantine Heraklius mengalahkan Parsi dan menemui semula Salib Yesus.

Heraklius ingin mengangkat Salib Yesus di bahunya dan membawanya ke Yerusalem menuju Gereja Makam Suci, tetapi dia tidak mampu mengangkatnya sambil mengenakan pakaian diraja. Modestos, Patriark Yerusalem, berkata kepadanya: "Bagaimana kamu boleh membawa Salib Yesus memakai pakaian mahal, sedangkan Yesus membawa Salib dalam kemiskinan?" Mendengar itu, Maharaja menanggalkan pakaian dirajanya, mengenakan pakaian sederhana seperti seorang peziarah, dan membawa Salib itu tanpa alas kaki menuju Kalvari.

Peristiwa ini diperingati oleh Gereja pada hari ini, 14 September, yang diistilahkan sebagai "Pesta Kemenangan Salib" atau "Pengagungan Salib Suci."

**Bapa Kami (1x)**

**Salam Maria (3x)**

**Kemuliaan (1x)**

St. Helena, penemu Salib, doakan kami. Amin.

---

#### **4. Kita Terus Menang Melalui Salib Yesus**

Jika anda mengalami pelbagai penderitaan, salib, atau kehilangan, dan anda telah melakukan segala yang mungkin untuk mengubahnya, maka Tuhan mengizinkan-Nya untuk dua sebab. Pertama, untuk mengosongkan anda daripada segala yang menghalang kemasukan-Nya ke dalam jiwa anda agar Dia dapat memenuhi anda dengan kehidupan Ilahi, kasih, dan sukacita-Nya. Kedua, agar anda dapat membantu Yesus menyelamatkan jiwa.

Tentang perkara pertama, St. Yohanes Salib menulis:

"Berkat Tuhan yang amat besar hanya boleh muat dalam hati yang kosong; tetapi jika diberikan ruang, ia akan membakar hati dengan kasih."

Yesus dilahirkan di dalam sebuah gua kerana tempat penginapan penuh dan gua itu kosong. Jika kita ingin menerima Yesus dengan sepenuhnya, kita juga mesti dikosongkan daripada segala keinginan yang tidak teratur agar kita dipenuhi oleh Tuhan.

Jika anda sedang mengalami salib, jangan berputus asa. Terimalah dengan kepercayaan kerana Tuhan sedang mengosongkan anda, untuk mengisi anda dengan diri-Nya. Melalui Salib, kita juga akan menang.

**Bapa Kami (1x)**

**Salam Maria (3x)**

**Kemuliaan (1x)**

St. Helena, penemu Salib, doakan kami. Amin.

---

#### **5. Pekerjaan Penyelamatan Tuhan**

Sebab kedua mengapa Tuhan mengizinkan salib atau penderitaan dalam hidup kita adalah untuk menjadikan kita rakan sekerja dalam pekerjaan penyelamatan-Nya.

Yesus berkata, "Jika kamu mahu menjadi murid-Ku, kamu mesti memikul salibmu dan mengikut Aku." Yesus mengundang kita untuk mengambil bahagian dalam pekerjaan penyelamatan-Nya, tetapi ingat, kemenangan-Nya datang melalui salib. Oleh itu, Dia mengundang kita untuk mengambil salib kita dan mengikut-Nya. Yesus mengundang kita untuk membantu-Nya menyelamatkan jiwa melalui salib kita, yang ditawarkan dan disatukan dengan Salib-Nya. Dan alat yang paling kuat yang ada pada kita untuk membantu keluarga dan rakan kita sampai ke syurga adalah penderitaan kita.

Jangan sia-siakan penderitaan anda. Gunakan penderitaan itu dengan menyatukannya dengan Kristus untuk membawa jiwa kepada-Nya.

**Bapa Kami (1x)**

**Salam Maria (3x)**

**Kemuliaan (1x)**

St. Helena, penemu Salib, doakan kami. Amin.

---

## **Salam Salam Ratu Suci**

Salam, Ratu Suci, Bunda belas kasih; salam hidup kami, keindahan kami dan pengharapan kami. Kepadamu kami menangis anak-anak keturunan Hawa yang terkutuk. Kepadamu kami angkat penderitaan, kesedihan dan pengaduan kami. Palinglah kemudian Bunda yang tercinta, mata yang bersinar dengan penuh belaskasih atas kami dan setelah pengasingan, tunjukkanlah kepada kami buah tubuhmu yang sangat terpuji Yesus.

Oh pengasih, oh penyayang, oh Bunda Maria yang tidak bernoda.

## **Litani Para Sante dan Pelindung Gereja di Keuskupan Miri**

Tuhan, kasihanilah kami.  
Kristus, kasihanilah kami.  
Tuhan, kasihanilah kami.  
Kristus, dengarkanlah kami.  
Allah Bapa di surga,  
Allah Putera, Penebus dunia,  
Allah Roh Kudus,  
Allah Tritunggal Kudus yang Esa,  
St. Stefanus,  
St. Yusuf Pelindung Keuskupan Miri,  
Maria Bunda Allah yang Kudus,  
St. Franciskus Xaverius,  
St. Jacques Chastan,  
St. Laurent Imbert,  
St. Filipus Minh,  
St. Petrus Quy,  
St. Paul Loc,  
St. Yohanes Hoan,  
St. Yusuf Luu,  
St. Theresa dari Avila,  
St. Theresa dari Kolkata,  
St. Yohanes Paulus II,  
St. Anthonius,  
St. George,  
St. Petrus,  
St. Paulus Rasul,  
St. Mikhael,  
St. Dominic,  
St. Edmund,  
St. Martinus,

**Tuhan, kasihanilah kami  
Kristus, kasihanilah kami  
Tuhan, kasihanilah kami  
Kristus, dengarkanlah kami  
kasihanilah kami  
kasihanilah kami  
kasihanilah kami  
kasihanilah kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami  
Doakan kami**

**Pemimpin: Anak Domba Allah yang menghapus dosa dunia**

**Semua :** Ampunilah kami ya, Tuhan.

**Pemimpin: Anak Domba Allah yang menghapus dosa dunia**

**Semua:** Dengarkanlah kami ya, Tuhan

**Pemimpin: Anak Domba Allah yang menghapus dosa dunia**

**Semua:** Kasihanilah kami  
**Pemimpin:** Doakan kami, oh Bunda Tuhan yang Suci  
**Semua :** **Agar kami layak menerima janji-janji Kristus.**

## **Marilah kita berdoa melalui perantaraan St. Helena.**

Ya St. Helena yang Kudus dan Diberkati, dengan kasih dan pengabdian engkau berusaha untuk mencari Salib Penyelamat kita. Saya memohon doamu agar saya mempunyai cinta dan pengabdian yang sama kepada Yesus Tuhanku. Seperti engkau, semoga saya menerima ujian hidup dengan sabar dan penuh harapan.

Di bawah perlindunganmu, semoga saya memikul Salib yang telah Tuhan berikan kepada saya dalam kehidupan ini dan suatu hari nanti saya akan berkongsi dengan engkau Mahkota kehidupan yang kekal. St. Helena, penemu Salib, doakan kami. Amin.

---

### **Doa Penutupan**

Tuhan Yesus Kristus, Engkau berkenan menyatakan kepada Helena yang terberkati, tempat di mana Salib-Mu tersembunyi, untuk memperkaya Gereja-Mu dengan harta yang tiada ternilai ini: dengarkanlah doa-doanya, dan terimalah pohon kehidupan ini sebagai harga untuk mencapai kebahagiaan kekal kami, Engkau yang adalah Tuhan, hidup dan berkuasa selama-lamanya. Amin.

**Kemuliaan kepada Bapa dan Putera dan Roh Kudus, seperti pada permulaan, sekarang dan sepanjang segala masa. Amin.**